

BAHAGIAN A
[30 markah]
Soalan ini **mesti** dijawab

Grafik dan petikan di bawah menunjukkan maklumat berkaitan **kerjaya di Malaysia**.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **faktor-faktor pemilihan kerjaya di Malaysia**.

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.



Minat menjadi pendorong utama dalam pemilihan kerjaya kerana setiap individu mempunyai semangat untuk melaksanakan tugas yang memberikan kebahagiaan kepada diri mereka.

Sumber : cem.upm.edu.my



BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan

1.

Lagu tradisional Malaysia mencakupi pelbagai genre seperti lagu rakyat, irama Melayu asli, zapin dan joget. Lagu-lagu ini menggabungkan seni kata puitis dengan alunan muzik yang mencerminkan budaya pelbagai kaum. Namun irama ini kurang popular berbanding muzik moden. Lambakan muzik moden mengambil alih pasaran utama sekali gus menyebabkan permintaan komersial untuk irama tradisional menurun.

Sumber : *www.utusan.com.my*

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan pelbagai cara yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah tersebut.

2.

Warganegara yang baik dapat kita temui dalam pelbagai aspek kehidupan, seperti dalam kehidupan sosial, politik, dan ekonomi. Individu yang memiliki sikap positif dan mematuhi undang-undang di dalam sesebuah negara merupakan salah satu ciri warganegara yang baik. Pembentukan sesebuah negara aman dan harmoni penting untuk kemajuan sesebuah negara.

Sumber : Internet 24 Februari 2024

Huraikan ciri-ciri warganegara yang baik dalam petikan berserta ciri-ciri lain.



3.

Sempena ulang tahun yang ke-50, Malaysia dan Bahrain telah mengesahkan komitmen untuk mengukuhkan kerjasama dua hala tentang hubungan diplomatik negara bagi memupuk masa depan negara yang lebih makmur. Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar kedua-dua buah negara, Malaysia dan Bahrain berjanji untuk memanfaatkan platform sedia ada seperti Jawatankuasa Tinggi Bersama Kerjasama Dua Hala bagi memperdalam kerjasama tersebut

Sumber: *Sinar*, 23 Disember 2024

Selain kepentingan mengukuhkan kerjasama dua hala tentang hubungan diplomatik negara yang dinyatakan dalam petikan, bincangkan kepentingan-kepentingan lain perkara tersebut.

4.

Banyak bangsa yang maju di dunia masih mengekalkan pakaian tradisional mereka. Bangsa Jepun, China, Korea menjadikan pakaian tradisional ini sebagai ikon yang dibanggakan. Begitu juga British, Irish dan negara barat lain tidak mencampuradukkan pakaian tradisi mereka. Malah pakaian ini terus dibudayakan terutama apabila menyambut keraian dan upacara ritual.

Dipetik daripada : *Sinar Harian*, 2 Jun 2019

Berdasarkan petikan, terdapat pelbagai usaha untuk mengekalkan pakaian tradisional negara masing-masing.

Beri komen anda.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT